

Kerajaan republik rakyat Poland dan Kerajaan Malaysia,

Dengan tujuan hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan,

Telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

Bidang diri

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara-negara Berjanji.

Perkara 2

Cukai-cukai yang diliputi

1/ Cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini ialah:

a/ berkenaan dengan Republik Rakyat Poland;

- cukai pendapatan /podatek dochodowy/;
- cukai atas gaji dan upah /podatek od wynagrodzen/;
- cukai pengimbangan /podatek wyrownawczy/;
- /kemudian daripada ini disebut "cukai Poland"/.

b/ berkenaan dengan Malaysia;

- cukai pendapatan dan cukai ^{ke}untung^{gan} berlebihan;
- cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan
- cukai pendapatan petroliam;
- /kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia"/

2/ Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai yang dikenakan sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti kepada cukai-cukai yang sedia ada selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah memberitahu satu sama lain apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam Undang-undang Percukaiannya masing-masing.

Perkara 3

Takrif Am

1/ Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- a/ perkataan "Malaysia" ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan wilayah bagi Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil buminya;
- b/ perkataan "Poland" ertinya Republik Rakyat Poland dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan wilayah bagi Poland yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Poland sebagai suatu kawasan yang didalamnya Poland boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil buminya;
- c/ perkataan-perkataan "suatu Negara-Berjanji" dan "Negara Berjanji yang satu lagi itu" ertinya Poland atau Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- d/ perkataan "orang" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Undang-undang Percukaian Negara-negara Berjanji masing-masing;
- e/ perkataan "syarikat" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan dalam Undang-undang Percukaian Negara-negara Berjanji masing-masing;
- f/ perkataan "cukai" ertinya cukai Malaysia atau cukai Poland, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- g/ perkataan-perkataan "enterprais suatu Negara Berjanji" dan "enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu" masing-masing ertinya suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;
- h/ perkataan-perkataan "pihakberkuasa yang layak" ertinya:
 - /1/ berkenaan dengan Poland - Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - /2/ berkenaan dengan Malaysia - Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2/ Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Berjanji, apa-apa perkataan yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Berjanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian.

Perkara 4
Domisil fiskal

- 1/ Bagi maksud-maksud Perjanjian ini,
- a/ perkataan-perkataan "pemastautin bagi suatu Negara Berjanji" ertinya -
 - berkenaan dengan Malaysia seseorang yang bermastautin dalam Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia; atau
 - berkenaan dengan Poland seseorang yang bermastautin dalam Poland bagi maksud-maksud cukai Poland;
 - b/ perkataan-perkataan "pemastautin bagi suatu Negara Berjanji" dan "pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu" ertinya seorang pemastautin bagi Malaysia atau seorang pemastautin bagi Poland, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya.
- 2/ Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut:
- /a/ ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat /pusat kepentingan yang perlu/;
 - /b/ jika Negara Berjanji di mana ia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - /c/ jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Berjanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang mana ianya adalah seorang warganegara;
 - /d/ jika soal mastautin tidak dapat ditentukan menurut perenggan-perenggan kecil yang terdahulu, pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.

3/ Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang, lain daripada seorang orang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana terletaknya tempat yang berkuatkuasa pengurusannya.

Perkara 5

Pertubuhan tetap

1/ Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan-perkataan "pertubuhan tetap" ertinya tempat perniagaan yang tetap di mana perniagaan enterprais itu dijalankan kesemuanya atau sebahagiannya.

2/ Perkataan-perkataan "pertubuhan tetap" hendaklah termasuk terutama sekali:

- /a/ suatu tempat pengurusan;
- /b/ suatu cawangan;
- /c/ suatu pejabat;
- /d/ suatu kilang;
- /e/ suatu wokshop;
- /f/ suatu lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan;
- /g/ suatu kebun atau ladang.

3/ Perkataan-perkataan "pertubuhan tetap" tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:

- /a/ penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pamiran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
- /b/ penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pamiran atau penyerahan;
- /c/ penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;
- /d/ penyenggaraan suatu tempat yang tetap bagi perniagaan semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
- /e/ penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau tambahan untuk enterprais itu.

4/ Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika ia menjalankan perniagaan yang terdiri daripada mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan penghibur awam yang jenisnya disebut dalam Perkara 16 dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

5/ Seseorang yang bertindak dalam suatu Negara Berjanji bagi pihak suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu /selain daripada seorang agen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai/hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut jika:

/a/ ia mempunyai dan lazimnya menjalankan dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu suatu kuasa bagi membuat kontrek-kontrek bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan bagi enterprais itu;

/b/ ia tidak mempunyai kuasa itu, tetapi menyenggara dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu, suatu stok barang-barang atau dagangan, dari mana ia biasanya menyerahkan barang-barang atau dagangan bagi pihak enterprais itu.

6/ Suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, agen kamsen am atau mana-mana agen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.

7/ Fakta bahawa sesuatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji adalah mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu/ sama ada melalui sesuatu pertubuhan tetap atau selainnya /tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu pertubuhan tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Perkara 6

Pendapatan dari harta takalih

1/ Pendapatan dari harta takalih hendaklah dicukai di Negara Berjanji di mana terletak harta itu.

2/ Perkataan-perkataan "harta takalih" hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Berjanji di mana terletak harta itu. Perkataan-perkataan itu hendaklah macamana pun termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, hak bagi menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak bagi mengusahakan, deposit galian, telaga minyak atau gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi atau hasil kayu atau lain-lain keluaran hutan. Kapal, bot dan

kapaludara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3/ Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain.

4/ Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada harta taklih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 7

Pendapatan dan keuntungan perniagaan

1/ Pendapatan atau keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja, melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, maka pendapatan atau keuntungan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak yang boleh dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu.

2/ Jika suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu pendapatan atau keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dengan enterprais yang mana ianya adalah suatu pertubuhan tetap.

3/ Pada menentukan pendapatan atau keuntungan suatu pertubuhan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua belanja, termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am yang boleh ditolak jika pertubuhan tetap itu adalah suatu enterprais bebas, setakat belanja-belanja itu boleh diperuntukkan secara menasabah kepada pertubuhan tetap itu, sama ada dilakukan di Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak atau di tempat lain.

4/ Tiada apa-apa jua pendapatan atau keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu pertubuhan tetap semata-mata oleh sebab pertubuhan tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

5/ Jika pendapatan atau keuntungan termasuk apa-apa butiran pendapatan atau keuntungan yang diselenggarakan secara berasingan dalam suatu Perkara lain dalam Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara lain itu tidaklah tersentuh oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

Enterprais bersekutu

Jika

/a/ suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji mengambil bahagian secara langsung atau secara tak-langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal

suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau

- /b/ orang-orang yang sama mengambil bahagian secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawasan atau modal suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dan bagi suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat antara enterprais-enterprais bebas, maka apa-apa pendapatan atau keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu tidak terakru sedemikian bolehlah dimasukkan dalam pendapatan atau keuntungan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 9

Perkapalan dan pengangkutan udara

- 1/ Pendapatan yang diperolehi oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dari pengendalian kapal atau kapaludara dalam lalulintas antarabangsa boleh dikenakan cukai hanya di Negara Berjanji itu sahaja.
- 2/ Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penyertaan di dalam suatu kumpulan, perniagaan bersama atau suatu agensi yang dikendalikan secara antarabangsa.
- 3/ Bagi maksud Perjanjian ini perkataan-perkataan "lalulintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji, lain dari apa-apa pengangkutan yang dihadkan di antara tempat-tempat dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

Perkara 10

Dividen-dividen

- 1/ Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai diperolehi dari Negara Berjanji itu.
- 2/ Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Poland kepada seorang pemastautin Malaysia yang tertakluk kepada cukai Malaysia atas dividen itu, hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Poland yang boleh dikenakan atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan atas pendapatan syarikat itu.
- 3/ Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin Poland yang tertakluk kepada cukai Poland atas dividen itu, hendaklah dikecualikan dari apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dikenakan atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan atas pendapatan syarikat itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin dalam Malaysia dan dari dividen itu cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

4/ Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji memperolehi keuntungan atau pendapatan daripada Negara Berjanji yang satu lagi itu, maka tidak boleh dikenakan di Negara Berjanji yang satu lagi itu apa-apa bentuk cukai atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang-orang yang bukannya pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau apa-apa cukai dari jenis cukai keuntungan yang tidak diagih atas keuntungan yang tidak diagih syarikat itu, sama ada atau tidak dividen atau keuntungan yang tidak diagih itu merupakan, kesemuanya atau sebahagian daripadanya, keuntungan atau pendapatan yang diperolehi sedemikian.

5/ Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 3 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima dividen-dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, suatu pertubuhan tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan pemegangan yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6/ Jika sistem percukaian yang boleh dipakai dalam mana-mana suatu Negara Berjanji bagi pendapatan dan pengagihan syarikat-syarikat diubah, pihak-berkuasa-pihakberkuasa yang layak boleh berunding antara satu sama lain untuk menentukan sama ada perlu oleh sebab itu dipinda peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 3 Perkara ini.

Perkara 11

Bunga

1/ Bunga yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2/ Walau bagaimanapun, bunga itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana ianya terbit, dan menurut undang-undang Negara Berjanji itu, tetapi jika penerima itu adalah pemunya yang berhak mendapat faedah bunga itu, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh lebih daripada 15 peratus dari amaun bunga itu.

3/ Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini bunga yang dibayar kepada seorang pemastautin Poland atas suatu pinjaman yang diluluskan atau suatu pinjaman jangka panjang hendaklah dikecualikan dari cukai Malaysia yang kena dibayar atasnya.

4/ Perkataan "bunga" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini dan Perkara 20 ertinya pendapatan dari segala jenis tuntutan hutang, sama ada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji, dan sama ada atau tidak memegang hak untuk menyertai dalam keuntungan-keuntungan siberhutang itu, dan khususnya, pendapatan dari sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan dari bon-bon atau debentur-debentur, termasuk premium-premium dan hadiah-hadiah mengenai bon-bon atau debentur-debentur, Caj-caj penalti bagi bayaran luar tempoh tidak boleh dianggap sebagai bunga bagi maksud Perkara ini.

5/ Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika penerima bunga itu, yang menjadi seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji, mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit, suatu perdagangan atau perniagaan melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dan pertubuhan tetap itu bersangkutan secara berkesan dengan tuntutan hutang dari mana bunga itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6/ Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar bunga itu adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanun Negara Berjanji itu atau seorang pemastautin bagi Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya hutang yang dari mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

7/ Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima jika tidak ada hubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai bagi amaun yang tersebut terakhir sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian yang berlebihan daripada bayaran itu hendaklah terus boleh dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

Perkara 12

Royalti-royalti

1/ Royalti-royalti yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan di bayar kepada seseorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2/ Walau bagaimanapun, royalti-royalti itu boleh dicukai di Negara Berjanji di mana royalti-royalti itu terbit, dan menurut undang-undang Negara Berjanji itu, tetapi jika penerima itu adalah pemunya yang berhak mendapat faedah royalti-royalti itu, maka cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh lebih daripada 15 peratus dari amaun royalti-royalti itu.

3/ Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, royalti-royalti yang dibayar kepada seseorang pemastautin Poland oleh seseorang pemastautin Malaysia dan diluluskan oleh pihakberkuasa yang layak bagi Malaysia hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia yang kena dibayar atasnya.

4/ Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 3 Perkara ini, royalti-royalti dari jenis yang disebutkan dalam perenggan 5/b/ Perkara ini boleh dikenakan cukai menurut undang-undang Negara Berjanji dalam mana royalti-royalti itu terbit.

5/ Perkataan "royalti" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana -

/a/ penggunaan, atau hak untuk menggunakan apa-apa patent, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, apa-apa hakcipta karya sastera, pekerjaan seni atau sains, atau kerana penggunaan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau sains, atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau sains;

/b/ penggunaan, atau hak untuk menggunakan filem-filem wayang gambar, atau karya-karya yang dirakamkan dalam pita-pita untuk siaran talivisyen atau radio.

6/ Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 3 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima royalti-royalti itu, yang adalah seorang pemastautin suatu Negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana royalti-royalti itu terbit suatu pertubuhan tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti-royalti itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

7/ Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar royalti-royalti itu adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanun Negara Berjanji itu atau seorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti itu telah dilakukan, dan royalti-royalti itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

8/ Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun royalti-royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti-royalti itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima itu jika tidak ada hubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang tersebut terakhir sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan daripada bayaran itu hendaklah terus boleh dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

Perkara 13

Laba-laba modal

1/ Laba-laba modal yang diperolehi daripada pemberianmilik apa-apa harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu termasuk apa-apa laba daripada pemberianmilik suatu pertubuhan tetap itu /pertubuhan itu sahaja atau bersama-sama dengan enterprais itu kesemuanya/boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2/ Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini, laba-laba modal yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji daripada pemberianmilik kapal-kapal dan kapaludara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa dan pemberianmilik harta alih berhubung dengan pengendalian kapal-kapal dan kapaludara itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja.

3/ Laba-laba modal daripada pemberianmilik apa-apa harta lain daripada yang tersebut dalam perenggan 1 Perkara ini boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang baginya pemberimilik itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 14

Pelawat-pelawat perniagaan

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 17, seseorang perseorangan yang adalah pemastautin bagi suatu Negara Berjanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu atas pendapatan berkenaan dengan suatu ambilkhidmat termasuk perhidmatan profesional bebas yang dijalankan dalam sesuatu tahun kalender dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, jika -

- /a/ ia berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh berjumlah tidak lebih daripada 183 hari dalam tahun itu; dan
- /b/ Saraan bagi perkhidmatan-perkhidmatannya dibayar oleh atau bagi pihak seorang yang bukan pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu; dan
- /c/ saraan itu tidak ditanggung oleh suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh orang itu dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2/ Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan berkenaan dengan suatu ambilkhidmat yang dijalankan dalam kapal atau kapaludara dalam lalulintas antarabangsa boleh dicukai dalam suatu Negara Berjanji di mana terletaknya tempat yang berkuatkuasa pengurusan enterpris itu.

Perkara 15

Bayaran-bayaran Pengarah

1/ Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 14, bayaran-bayaran pengarah dan bayaran-bayaran seumpamanya yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atas sifatnya sebagai ahli lembaga pengarah suatu syarikat yang menjadi pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

Perkara 16

Seniman dan olahragawan

1/ Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 14, pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur awam /seperti seniman-seniman pentas,

wayang gambar, radio atau talivisyen dan ahli-ahli muzik/ atau olahragawan-olahragawan, dari aktiviti-aktiviti mereka sendiri sebagai demikian boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

2/ Jika aktiviti-aktiviti sendiri yang tersebut dalam perenggan 1 diadakan dalam suatu Negara Berjanji oleh suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari mengadakan aktiviti-aktiviti itu oleh sesuatu enterprais itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang disebut terdahulu.

3/ Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 tidak boleh di pakai bagi saraan atau keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Berjanji jika lawatan ke Negara Berjanji itu adalah disokong secara langsung atau secara taklangsung, keseluruhannya atau sebahagian besarnya, daripada kumpulanwang awam Negara Berjanji yang satu lagi itu, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 17

Tugas-tugas Kerajaan

- 1/ /a/ Saraan, lain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatannya kepada mana-mana orang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara Berjanji itu atau bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa tempatannya itu boleh dikenakan cukai hanya di Negara Berjanji itu.
- /b/ Walau bagaimanapun, saraan itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan ini diberi dalam Negara Berjanji itu dan penerima saraan itu adalah seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu dan ia:

/i/ adalah seorang rakyat Negara Berjanji itu; atau

/ii/ tidak menjadi seorang pemastautin Negara Berjanji itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

2/ Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulanwang-kumpulanwang yang diadakan oleh, suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatannya kepada seseorang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara Berjanji itu atau bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa tempatannya boleh dikenakan cukai hanya di Negara Berjanji itu.

3/ Peruntukan-peruntukan Perkara 14 dan 15 hendaklah dipakai bagi saraan atau pencen-pencen berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berhubung dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatannya.

Perkara 18

Penuntut-penuntut

Seseorang perseorangan yang menjadi seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan yang berada secara sementara dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata:

- /a/ sebagai seorang penuntut di suatu universiti, kolej atau sekolah dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu,
- /b/ sebagai seorang perantis perniagaan atau teknik, atau
- /c/ sebagai seorang penerima suatu pemberian, elaun atau award bagi maksud utama membuat kajian atau penyelidikan daripada suatu pertubuhan ugama, khairat, sains atau pelajaran

tidak boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu berkenaan dengan rimitan-rimitan dari luar negeri bagi maksud-maksud sara hidup, pelajaran atau latihannya atau berkenaan dengan suatu pemberian biasiswa. Peruntukan yang sama hendaklah juga dipakai bagi suatu amaun yang merupakan saraan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, dengan syarat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan itu adalah berhubung dengan pengajian atau latihan praktikalnya atau adalah perlu bagi maksud sara hidupnya.

Perkara 19

Professor-professor dan guru-guru

Seseorang yang, atas jemputan suatu universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran seumpamanya yang diiktiraf dalam suatu Negara Berjanji, melawat Negara Berjanji itu selama suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pelajaran itu, dan yang adalah, atau sebelum sahaja lawatan itu telah, menjadi pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu atas apa-apa saraan bagi mengajar atau menyelidik itu berkenaan dengan mana ia boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

Perkara 20

Pendapatan Kerajaan

- 1/ Kerajaan suatu Negara Berjanji hendaklah dikecualikan dari dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu berkenaan dengan bunga yang diperolehi oleh Kerajaan itu dari Negara Berjanji yang satu lagi itu.
- 2/ Bagi maksud-maksud perenggan 1 Perkara ini, perkataan "Kerajaan" -
 - /a/ berkenaan dengan Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk -

- kerajaan-kerajaan Negeri;
- pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan;
- Bank Negara Malaysia;
- mana-mana institusi, yang modalnya adalah dipunyai keseluruhannya oleh Kerajaan Malaysia atau kerajaan-kerajaan Negeri atau pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara Kerajaan-kerajaan kedua-dua Negara Berjanji itu.

/b/ berkenaan dengan Poland ertinya Kerajaan Republik Rakyat Poland dan hendaklah termasuk -

- pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan;
- Bank Narodowy Bank Polski;
- Bank Handlowy w Warszawie S.A. setakat mana aktiviti-aktivitinya dijalankan dalam bidang kuasa yang biasa sesuatu bank pusat;
- mana-mana institusi, yang modalnya adalah dipunyai keseluruhannya oleh Kerajaan Republik Rakyat Poland atau pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatannya, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara Kerajaan-Kerajaan kedua-dua Negara Berjanji itu.

Perkara 21

Menghapuskan cukai dua kali

1/ Cukai Poland yang kena dibayar di bawah undang-undang Poland dan mengikut Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau secara potongan, atas keuntungan-keuntungan, pendapatan atau laba yang boleh dikenakan cukai daripada sumber-sumber dalam Poland /tidak termasuk bagi hal suatu dividen, cukai yang kena dibayar berkenaan dengan keuntungan-keuntungan yang darinya dividen itu dibayar /hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap apa-apa cukai Malaysia yang di hitung dengan merujuk kepada keuntungan-keuntungan, pendapatan atau laba yang sama dan yang dengan merujuk kepadanya cukai Poland itu di hitung. Kredit itu hendaklah dibenarkan mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang sedia ada mengenai kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar dalam suatu wilayah di luar Malaysia dan mengikut apa-apa pengubahsuaian kemudiannya peruntukan-peruntukan itu, yang mana walau bagaimanapun, tidak boleh menyentuh prinsip mengenainya.

2/ Jika seseorang pemastautin Poland memperoleh keuntungan, pendapatan laba yang, mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, boleh dicukai dalam Malaysia, Poland hendaklah membenarkan sebagai suatu potongan dari cukai Poland atas masing-masing keuntungan-keuntungan, pendapatan atau laba orang itu, suatu amaun yang sama banyak dengan cukai yang dibayar dalam Malaysia atas keuntungan, pendapatan atau laba itu, mengikut mana yang berkenaan. Potongan itu walau bagaimanapun, tidak boleh lebih daripada bahagian cukai Poland yang berkenaan dengan keuntungan, pendapatan atau laba yang boleh dikenakan cukai dalam Malaysia.

Perkara 22

Tidak beza membeza

1/ Rakyat suatu Negara Berjanji tidak boleh tertakluk di Negara Berjanji yang satu lagi itu kepada apa-apa percukaian atau apa-apa keendak yang berkenaan dengannya yang adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas rakyat Negara Berjanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama.

2/ Percukaian ke atas suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak boleh dilevi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu secara yang kurang adil daripada percukaian yang dilevi ke atas enterprais-enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.

3/ Enterprais-enterprais suatu Negara Berjanji, yang modalnya adalah kesemuanya atau sebahagiannya dipunyai atau dikawal, secara langsung atau secara taklangsung, oleh seorang atau lebih daripada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi, tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas lain-lain enterprais seumpamanya dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu.

4/ Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai menanggungkan ke atas salah satu Negara Berjanji untuk memberi kepada individu-individu yang bukan bermastautin dalam Negara Berjanji itu apa-apa elaun, relif dan pengurangan persendirian bagi maksud-maksud cukai yang diberi kepada individu-individu yang bermastautin sedemikian.

5/ Dan juga tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai menanggungkan ke atas suatu Negara Berjanji untuk memberi kepada rakyat Negara Berjanji yang satu lagi itu yang bukan bermastautin dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu apa-apa elaun, relif dan pengurangan persendirian bagi maksud-maksud cukai yang adalah boleh diberi di sisi undang-undang pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani hanya kepada rakyat Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu atau kepada mana-mana orang yang dinyatakan dalamnya yang bukan bermastautin dalam Negara Berjanji itu.

6/ Dalam Perkara ini perkataan "percukaian" ertinya cukai-cukai yang adalah tertakluk kepada Perjanjian ini.

Perkara 23

Acara persetujuan bersama

- 1/ Jika seorang pemastautin suatu Negara Berjanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu daripada atau kedua-dua Negara Berjanji adalah atau akan mengakibatkan baginya percukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini, maka ia boleh, tanpa menyentuh remidi-remidi yang diperuntukkan oleh Undang-undang Percukaian Negeri-negeri itu, mengemukakan kesnya kepada pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji yang ia adalah pemastautin.
- 2/ Pihakberkuasa yang layak itu hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantahan-bantahan itu adalah berpatutan dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, dengan tujuan untuk mengelakkan percukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini.
- 3/ Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul tentang tafsiran dan pemakaian Perjanjian ini.
- 4/ Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji boleh berhubung secara langsung antara satu dengan lain bagi maksud mencapai persetujuan dalam erti perenggan-perenggan yang terdahulu.

Perkara 24

Bertukar-tukar maklumat

- 1/ Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah, apabila diminta, bertukar-tukar apa-apa maklumat/ yang berupa maklumat yang boleh didapati di bawah Undang-undang Percukaian Negara-negara Berjanji itu masing-masing/ sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau bagi mencegah frod, atau seumpamanya, berhubung dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang dipertukarkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang atau pihakberkuasa lain daripada, termasuk suatu mahkamah atau badan pentadbiran, yang terlibat dalam pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan cukai-cukai atau dalam penentuan rayuan-rayuan yang berhubung dengannya.
- 2/ Peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini tidak boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas suatu daripada Negara-negara Berjanji itu tanggungan:
 - /a/ untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang berlainan daripada undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Berjanji itu atau Negara Berjanji yang satu lagi itu;
 - /b/ untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Berjanji itu atau Negara Berjanji yang satu lagi itu;

- /c/ untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesion atau proses tred, atau maklumat yang penzahirannya adalah bertentangan dengan dasar awam/perintah awam/.

Perkara 25

Keistimewaan-keistimewaan diplomat dan konsol

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan-keistimewaan pegawai-pegawai diplomat atau konsol di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Perkara 26

Mula berkuatkuasa

- 1/ Perjanjian ini adalah tertakluk kepada pengesahan dan suratcara suratcara pengesahan hendaklah dipertukar-tukarkan di Kuala Lumpur.
- 2/ Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa apabila sahaja suratcara-suratcara pengesahan itu dipertukar-tukarkan dan peruntukan-peruntukannya hendaklah oleh itu berkuatkuasa:
- /a/ di Poland, berkenaan dengan cukai Poland pada atau selepas 1 haribulan Januari, 1977;
 - /b/ di Malaysia, berkenaan dengan cukai Malaysia bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada lhb haribulan Januari, 1978 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perkara 27

Penamatan

Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa terus-menerus selama tempoh yang tidak ditentukan tetapi salah satu Negara Berjanji boleh menamatkan Perjanjian, melalui saluran-saluran diplomatik, dengan memberi kepada Negara Berjanji yang satu lagi, notis penamatan pada atau sebelum 30 haribulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar mulai daripada tahun keempat daripada tahun dalam mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam hal yang demikian, Perjanjian tidaklah lagi berkuatkuasa:

- /a/ di Poland -


berkenaan dengan cukai Poland bagi tahun yang berikutan tahun dalam mana notis itu diberi dan tahun-tahun yang berikutnya;

/b/ di Malaysia -


berkenaan dengan cukai Malaysia bagi tahun
taksiran yang berikutan tahun dalam mana notis
itu diberi dan tahun-tahun taksiran yang berikutan
taksirannya.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah
ini yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan
mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Warsaw pada 16 haribulan
September 1977 tiap-tiap satunya dalam Bahasa Poland, Bahasa Malaysia
dan Bahasa Inggeris dan ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahehnya.



Bagi pihak Kerajaan
Republik Rakyat Poland
Encik Marian Krzak
Timbalan Menteri Kewangan Pertama
Republik Rakyat Poland.



Bagi pihak Kerajaan
Malaysia
Encik Richard Ho
Timbalan Menteri Kewangan Pertama
Malaysia.

PROTOKOL

Pada masa Perjanjian ini ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat Poland bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan, maka yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan berikut hendaklah menjadi bahagian yang integral bagi Perjanjian ini:

1/ Pihakberkuasa yang layak kedua-dua Negara Berjanji boleh, dari semasa ke semasa, bersetuju bersama mengenai apa-apa projek bagi meninggikan kemajuan perindustrian yang kesemuanya atau terutamanya terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas berikut -

- /a/ pengilangan, pemasangan dan pemerosesan;
- /b/ pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau
- /c/ kuasa letrik, kuasa haiderolik, bekalan gas atau air,

dan dalam hal yang demikian, boleh bersetuju mengenai apa-apa pengecualian atau pengurangan cukai berkenaan dengan pendapatan atau keuntungan-keuntungan yang timbul daripada projek itu.

2/ Berhubung dengan Perkara 5 "Pertubuhan tetap" adalah dipersetujui bahawa:

- /a/ perkataan-perkataan "pertubuhan tetap" hendaklah termasuk suatu tapak bangunan atau binaan, projek pemasangan atau pemasangan yang sedia ada selama lebih daripada 6 bulan;
- /b/ Suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama lebih daripada 6 bulan berhubung dengan suatu projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang sedang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3/ Berhubung dengan Perkara 9 "Perkapalan dan pengangkutan udara":

prinsip-prinsip yang dipersetujui yang terkandung di dalamnya hendaklah juga meliputi cukai peralihan yang boleh dipakai di Republik Rakyat Poland menurut peruntukan-peruntukan perenggan 8, perenggan-perenggan-kecil 1 dan 2 Perintah Menteri Kewangan bertarikh 2hb Nobember, 1973 mengenai pencukaaian orang-orang yang

bermastautin di luar negeri dan yang memperoleh pendapatan dalam wilayah Republik Rakyat Poland.

4/ Berhubung dengan Perkara 10 "Dividen-dividen":

- /a/ Jika sesuatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat yang telah bermastautin di Malaysia dan Singapura dan mesyuarat dalam mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Malaysia, atau jika suatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat yang telah bermastautin di Singapura dan pada masa dividen itu dibayar syarikat itu mengisytiharkan bahawa ia adalah pemastautin Malaysia bagi maksud Perkara VII dalam Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan yang ditandatangani di Singapura pada 26hb Disember, 1968, maka dividen itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar oleh suatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia;
- /b/ jika suatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat yang telah bermastautin di Malaysia dan Singapura dan mesyuarat dalam mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Singapura, atau jika suatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat yang telah bermastautin di Malaysia dan pada masa pembayaran dividen itu syarikat itu mengisytiharkan bahawa ia adalah pemastautin Singapura bagi maksud Perkara VII dalam Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan yang ditandatangani di Singapura pada 26hb Disember, 1968, maka dividen itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar oleh suatu syarikat yang bukan pemastautin Malaysia.

5/ Berhubung dengan Perkara 11 "Bunga":

Perkataan-perkataan "pinjaman yang diluluskan" ertinya apa-apa pinjaman atau lain-lain hutang yang diluluskan oleh pihakberkuasa yang layak bagi Malaysia sebagai yang dibuat atau dilakukan bagi maksud membiayai projek-projek pembangunan atau bagi membeli kelengkapan modal bagi projek-projek pembangunan di Malaysia. Perkataan-perkataan "pinjaman jangka panjang" ertinya apa-apa pinjaman yang dibuat atau wang yang didepositkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi Malaysia.

6/ Berhubung dengan Perkara 12 "Royalti-royalti":

Royalti-royalti yang diluluskan yang disebut dalam perenggan 3 Perkara 12 ertinya royalti-royalti sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 5/a/ Perkara itu iaitu yang kena dibayar bagi meninggikan kemajuan perindustrian di Malaysia oleh suatu enterprais yang adalah

kesemuanya atau terutamanya terlibat dalam apa-apa aktiviti yang tersebut dalam perenggan 1 Protokol ini, dan diluluskan oleh pihakberkuasa yang layak bagi Malaysia.

7/ Berhubung dengan Perkara 17 "Tugas-tugas Kerajaan":

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berhubung dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh Kerajaan atau Negara Berjanji bagi maksud-maksud keuntungan tidak boleh dianggap sebagai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi pada melaksanakan tugas-tugas Kerajaan.

8/ Berhubung dengan Perkara 21 "Menghapuskan cukai dua kali":

- /a/ apa-apa pendapatan atau dividen yang dikecualikan daripada cukai Malaysia menurut peruntukan-peruntukan Akta Galakan Pelaburan, 1968 bagi Malaysia setakat mana ianya berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, dan telah tidak diubahsuai sejak tarikh itu, atau telah diubahsuai hanya mengenai perkara kecil sahaja dengan tidak menyentuh sifat amnya, atau menurut apa-apa lain peruntukan yang mungkin dibuat kemudiannya memberi suatu pengecualian yang dipersetujui oleh pihakberkuasa yang layak Negara-negara Berjanji sebagai mempunyai sifat yang sama pada isinya, jika ianya tidak diubahsuai selepas daripada itu atau telah diubahsuai hanya mengenai perkara kecil sahaja dengan tidak menyentuh sifat amnya, hendaklah dikecualikan daripada cukai Poland;
- /b/ apa-apa bunga yang dikecualikan daripada cukai Malaysia menurut perenggan 3 Perkara 11 hendaklah dikecualikan daripada cukai Poland;
- /c/ apa-apa royalti yang dikecualikan daripada cukai Malaysia menurut perenggan 3 Perkara 12 hendaklah dikecualikan daripada cukai Poland.


PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini dan yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Warsaw pada 16 haribulan September 1977 tiap-tiap satunya dalam Bahasa Poland, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahehnya.



Bagi pihak Kerajaan
Republik Rakyat Poland

Encik Marian Krzak
Timbalan Menteri Kewangan Pertama
Republik Rakyat Poland.



Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Encik Richard Ho
Timbalan Menteri Kewangan Pertama
Malaysia.